



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 3888
Faks : 603-88886187
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN(KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 49/2012 (2 hingga 8 Disember 2012)

“Kanak-Kanak 6 Tahun Korban Denggi Di WP Kuala Lumpur ”

Satu kes kematian akibat Denggi telah dilaporkan berlaku di WP Kuala Lumpur melibatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun. Pesakit mengalami demam dan mendapatkan rawatan awal di Klinik dan Pusat Perubatan Swasta, pesakit kemudiannya telah dibawa oleh keluarganya ke sebuah Hospital Swasta setelah tidak sedarkan diri kerana mengalami demam yang kuat, muntah, cirit-birit, pendarahan pada hidung serta mulut. Pesakit dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut dan meninggal dunia setelah dua hari dirawat di ICU dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Kes ini merupakan kematian ke 34 pada tahun ini, jumlah kematian yang sama bagi tempoh yang sama pada tahun 2011.

Kes Denggi di Malaysia juga menunjukkan peningkatan apabila sehingga 8 Disember 2012, sejumlah 20,387 kes Denggi dilaporkan, meningkat sebanyak 1,804 kes (10%) berbanding 18,583 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Dalam pada itu, sejumlah 467 kes telah dilaporkan pada minggu ke 49 dengan tujuh (7) negeri menunjukkan

peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 39 kes (23%), Perak 9 kes (36%), Pulau Pinang 4 kes (31%), masing-masing 3 kes di Terengganu (38%) dan Kedah (19%) manakala masing-masing 1 kes di Negeri Sembilan (13%) dan Melaka (7%). Selangor merupakan negeri yang menunjukkan peningkatan kes sejak 4 minggu kebelakangan ini. Selain dari itu, Selangor juga telah melaporkan Kadar Pembiakan Aedes (AI) yang tinggi iaitu 2.9%, melebihi nilai sensitif 1%.

Pada minggu ke 49, sejumlah 21 daerah berwabak dilaporkan, berbanding 18 daerah pada minggu sebelumnya dengan 65 lokaliti wabak dilaporkan di sembilan negeri iaitu Selangor (32 lokaliti), WP Kuala Lumpur (11 lokaliti), Johor (8 lokaliti), Sarawak (5 lokaliti), Sabah (3 lokaliti), Perak (2 lokaliti), Kedah (2 lokaliti) serta masing-masing 1 lokaliti di Pulau Pinang dan Kelantan. Terdapat satu 1 lokaliti wabak tidak terkawal dilaporkan di Jln 8/1-15, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, Selangor yang mengalami wabak selama 23 hari dan telah melaporkan 5 kes.

Usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan di dalam mencegah dan mengawal perebakan penyakit demam Denggi tidak akan berjaya sekiranya tiada sokongan penuh daripada masyarakat. Di dalam melaksanakan misi bagi mencegah penularan demam Denggi, masyarakat samada secara individu atau melalui jawatankuasa penduduk perlu melibatkan diri di dalam memastikan tiada terdapat tempat-tempat pembiakan di persekitaran rumah. Semburan racun serangga sahaja tidak akan dapat menyelesaikan masalah Denggi kerana semburan hanya membunuh nyamuk dewasa yang ada pada waktu berkenaan sahaja. Selepas itu, nyamuk dewasa akan muncul daripada tempat pembiakan yang tidak dimusnahkan. Luangkan

masa hanya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan di persekitaran rumah masing-masing. “Tidak Peduli, Maut Menanti. Jom Ganyang Aedes”.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

13 Disember 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 49/2012
(2 hingga 8 Disember 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 49/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 49/2011
		Minggu 49 (2 – 8 Disember 2012)	Minggu 48 (25 November – 1 Disember 2012)		
1	Perlis	3	5	166 (1)	104
2	Kedah	19	16	772 (4)	477
3	P. Pinang	17	13	741 (1)	1,510 (3)
4	Perak	34	25	1,620 (5)	1,292 (2)
5	Selangor	207	168	8,472 (12)	7,179 (13)
6	WPKL & Putrajaya	33 (1)	36	1,686 (4)	1,917 (2)
7	N. Sembilan	15	14	511 (2)	710 (3)
8	Melaka	9	8	432	412
9	Johor	28	52	1,527 (1)	1,497 (6)
10	Pahang	8	10	600 (1)	855 (1)
11	Terengganu	11	8	712	630 (1)
12	Kelantan	24	32	1,166	692 (1)
13	Sarawak	40	59	1,365 (1)	911
14	Sabah	19	30	607 (2)	386 (2)
15	WP Labuan	0	0	10	11
	MALAYSIA	467 (1)	476	20,387 (34)	18,583 (34)

Nota: () Kematian